



MODUL PRAKTIS PERKASA SPM 2024
JABATAN PELAJARAN NEGERI PAHANG



SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

3756/2

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 2 / Set 1

2 1/2 jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **tiga** soalan daripada **Bahagian A** dan **dua** soalan di **Bahagian B**.
3. Jawapan anda hendaklah ditulis di atas kertas jawapan yang disediakan . Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat kemas dan dihantar pada akhir peperiksaan.
4. Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.
5. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

[Kertas Soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak]

Bahagian A
[60 markah]
Jawab semua soalan

- 1 (a)

Puan Mazuin merekodkan tunai peribadi yang didepositkan ke dalam Akaun Bank perniagaan ke dalam Akaun Modal Perniagaan Perabot Mazuin. Perniagaan ini juga membuat keputusan untuk membeli mesin perabot yang lebih canggih dan dijangka meningkatkan keuntungannya untuk beberapa tahun akan datang.

Nyatakan andaian prinsip dan batasan dalam perakaunan yang diamalkan oleh Perniagaan Perabot Mazuin. [2 markah]

- (b)

Mendapat pinjaman dari Bank Utama Berhad RM100 000 untuk membeli alatan pejabat.

Berdasarkan urusan di atas, apakah kesan urusan di atas terhadap persamaan perakaunan? [2 markah]

- (c) Senaraikan dua kepentingan belanjawan tunai.

[2 markah]

- (d) Nyatakan dua sebab sesebuah perkongsian dibubarkan.

[2 markah]

- (e) Pada 1 Februari 2024, Syarikat Golden Times Berhad telah menerbitkan 1 300 000 unit 5% Syer Keutamaan pada harga RM1.50 sesyer dan 2 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM1.00 sesyer kepada orang awam. Semua syer itu telah dilanggan dan berbayar penuh pada tarikh tutup permohonan 29 Februari 2024.

Pada 31 Julai 2024, Lembaga pengarah telah memutuskan untuk membayar Dividen Interim kepada pemegang 5% Syer Keutamaan dan Syer Biasa pada kadar 4%.

Anda dikehendaki menghitung Dividen Interim.

[2 markah]

- 2 Encik Ryan ialah pemilik kilang Ryan yang mengeluarkan makanan sejuk beku yang beroperasi di Kawasan Perindustrian Semambu, Kuantan. Maklumat berikut diperoleh daripada buku perakaunan Kilang Ryan bagi tahun berakhir 30 Jun 2024.

	RM
Inventori pada 1 Julai 2023:	
Barang siap	75 000
Bahan langsung	44 300
Alat-alat kecil kilang	1 200
Alat tulis kilang	80
Kerja dalam proses 1 Julai 2023:	
Bahan langsung	68 020
Buruh langsung	80 800
Overhead	15 300
Jualan	880 000
Belian:	
Bahan langsung	76 080
Alat-alat kecil kilang	1 120
Alat tulis kilang	230
Hak cipta	10 500
Gaji langsung kilang	75 300
Gaji pengurus kilang	35 500
Gaji jurujual	13 600
Upah buruh tak langsung	24 700
Pulangan belian	2 208
Pulangan jualan	1 760
Angkutan masuk	5 570
Angkutan keluar	1 400
Belanja am kilang	15 600
Insurans	24 000
Utiliti	8 800
Sewa	80 400
Minyak pelincir kilang	540
Promosi	2 200
Diskaun diberi	3 500
Mesin (kos)	90 000
Susut nilai terkumpul mesin	9 000

Maklumat tambahan:

- i) Inventori 30 Jun 2024:

	RM
Bahan langsung	2 090
Barang siap	52 300
Alat-alat kecil kilang	400
Alat tulis	220

ii) Kerja dalam proses 30 Jun 2024:

	RM
Bahan langsung	13 000
Buruh langsung	9 600
Overhead	5 600

iii) Gaji pengurus kilang belum bayar ialah RM1 500.

iv) Insurans dibayar setahun berakhir 31 Oktober 2024.

v) Utiliti belum bayar ialah 890.

vi) Gaji langsung kilang sebanyak RM3 500 tersalah catat dalam upah buruh tak langsung.

vii) Susut nilai mesin ialah 15% menggunakan kaedah baki berkurangan.

viii) Belanja-belanja diagihkan seperti berikut:

	<u>Kilang</u>	<u>Pejabat</u>
Insurans	80%	20%
Utiliti	90%	10%
Sewa	70%	30%

Anda dikehendaki menyediakan:

a) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2024. [18 markah]

b) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2024
[7 markah]

- 3 En. Fariz seorang peniaga di Maran, Pahang tidak menyimpan rekod perakaunan tidak mengikut sistem catatan bergu. Berikut adalah ringkasan akaun bank perniagaan bagi tahun berakhir 31 Julai 2024.

Akaun Bank			
	RM		RM
Baki b/b	18 150	Promosi	600
Jualan	35 600	Akaun Belum Bayar	30 400
Akaun Belum Terima	46 660	Ambilan	1 180
		Sewa	14 300
		Gaji	24 000
		Lengkapan (1 Mac 2024)	3 000
		Kadar bayaran	2 375

- (i) Maklumat berikut telah diperolehi:

	1 Ogos 2023	31 Julai 2024
	RM	RM
Lengkapan	25 000	28 000
Susut nilai terkumpul	2 500	?
Inventori pada harga kos	9 650	9 010
Akaun Belum Terima	8 010	10 560
Akaun Belum Bayar	4 700	5 900
Sewa prabayar		1 100
Kadar bayaran belum bayar	195	
Komisen belum terima		1 950
Modal	53 415	?

- (ii) Pulangan barang kepada pembekal RM400.
- (iii) Perkara berikut belum direkod di mana-mana buku:
- (a) Pembekal memberi diskaun RM1 600 kerana hutang dijelaskan dalam jangka waktu 7 hari.
- (b) Belian RM1 100 dijelaskan dengan wang tunai Encik Fariz.
- (iv) En Fariz telah mengambil barang niaga RM100 setiap bulan bermula Januari 2024 untuk diagihkan kepada Rumah Warga Emas Maran.
- (v) Semua lengkapan disusut nilai pada kadar 10% atas nilai buku.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun kawalan belum bayar. [5 markah]
- (b) Penyata pendapatan dan untung rugi bagi tahun berakhir 31 Julai 2024. [12 markah]
- (c) Penyata kedudukan kewangan pada tarikh yang sama. [8 markah]

Bahagian B

40 markah

(Jawab mana-mana **DUA** soalan)

- 4 (a) Fana Trading menyimpan Buku Tunai Runcit menggunakan sistem panjar. Dana runcit sebanyak RM250 dikekalkan pada hari pertama setiap bulan.

Pada 31 Julai 2024, Buku Tunai Runcit berbaki RM90 manakala tunai di tangan adalah sebanyak RM520. Sepanjang bulan Ogos 2024, urus niaga tunai runcit adalah seperti berikut:

2024		RM
Ogos 1	Penerimaan tunai dari ketua juruwang	?
7	Belian kertas A4 dan sampul surat	25
15	Membayar petrol dan parkir	48
21	Membeli dakwat pencetak	64
26	Belanja pembaikan tingkap	80

Anda dikehendaki menyediakan Buku Tunai Runcit bagi bulan Ogos 2024 dengan lajur analisis Alat Tulis, Belanja Pejabat dan Belanja Perjalanan sehingga 1 September 2024. [7 markah]



- 4 (b) Perniagaan Maliya menggunakan Buku Tunai untuk merekod urus niaga tunai dan bank bagi perniagaannya.

Baki pada 30 Jun 2024 adalah seperti berikut:

Bank RM889 (kt)
Tunai RM1 340

Urus niaga bank berikut berlaku sepanjang bulan Julai 2024.

Tarikh		RM
Julai 1	Jualan tunai dibankkan.	1 750
3	Menjelaskan hutang Perniagaan Aaron (No. Cek 12159)	2 110
10	Terima cek daripada Ameer (No. Resit 0312)	2 111
14	Mengeluarkan cek (No. Cek 12160) kepada Pembekal Harris	1 592
20	Terima cek daripada Nour (No. Resit 0313)	3 200
25	Membayar gaji dengan cek (No. 12161) bagi bulan Julai	1 700
30	Membayar sebahagian hutang Syarikat Thinah dengan cek (No. 12162)	1 919

Pada 5 Ogos, Perniagaan Maliya menerima penyata bank bagi bulan Julai 2024.

BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD PENYATA BANK					
Kepada : Perniagaan Maliya		No Akaun : 952441087893 Tarikh: 31 Julai 2024			
Tarikh	Butir	Debit	Kredit	Baki	
Julai 1	Baki b/b			889	Dt
	Deposit		1 750	861	Kt
10	Cek No 12159	2 110		1 249	Dt
19	Cek No 12160	1 529		2 778	Dt
20	Deposit		3 200	422	Kt
27	Cek No 12161	1 700		1 278	Dt
28	Insurans	135		1 413	Dt

Maklumat Tambahan

Cek bertarikh 10 Julai 2024 dipulangkan oleh bank dengan catatan “baki tidak mencukupi”.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (i) Buku Tunai (ruangan bank sahaja) untuk merekod urus niaga bagi bulan berkenaan. [7 markah]
- ii) Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Julai 2024 (tanpa mengemas kini Buku Tunai). [6 markah]

- 5 (a) Maklumat berikut dipetik daripada rekod perakaunan dua buah perniagaan yang menjual perabot bagi tahun berakhir 31 Mac 2024.

SURIA TRADING

Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Mac 2024

Jualan	148 250
<i>Tolak</i> : Kos jualan	47 335
Untung kasar	100 915
<i>Tolak</i> : Perbelanjaan	23 855
Untung bersih	77 060

SURIA TRADING

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2024

Aset Bukan Semasa

Bangunan	180 000
Kenderaan	68 000
	248 000

Aset Semasa

Inventori	32 800
Akaun Belum Terima	6 525
Bank	11 300
	50 625

Liabiliti Semasa

Akaun Belum Bayar	48 755
Modal kerja	1 870
	249 870

Ekuiti Pemilik:

Modal	172 810
(+) Untung bersih	77 060
	249 870

IMPIAN TRADING

Tokokan	55%
Peratus untung bersih atas jualan	43%
Pulangan atas modal	35%
Nisbah semasa	2:1
Kadar pusing ganti inventori	8 kali

Anda dikehendaki:

- i) Menghitung nisbah berikut bagi Suria Trading (berikan jawapan pada dua tempat perpuluhan)
 - a) Peratus untung kasar atas jualan [2 markah]
 - b) Peratus untung bersih atas jualan [2 markah]
 - c) Pulangan atas modal [2 markah]
 - d) Nisbah semasa [2 markah]
- ii) Nyatakan perniagaan yang menawarkan pelaburan terbaik dan berikan alasan. [2 markah]

5 (b) Ketika menyediakan Imbangan Duga pada 30 Jun 2024, kesilapan-kesilapan berikut telah dikesan.

- (i) Komisen diterima dan upah terkurang catat sebanyak RM170.
- (ii) Ambilan barang niaga RM200 untuk promosi tertinggal catatan.
- (iii) Jualan barang niaga RM3 250 kepada Salmah telah dicatatkan ke dalam Akaun Salmi.
- (iv) Bayaran sewa kedai RM2 000 kepada Encik Norman dengan cek telah didebitkan ke Akaun Bank dan dikreditkan ke Akaun Sewa.
- (v) Kos angkutan untuk barang niaga yang dibeli RM570 telah dicatat dengan betul dalam Buku Tunai tetapi tersalah rekod sebagai angkutan keluar.

Anda dikehendaki:

Menyediakan catatan Jurnal Am untuk merekod kesilapan berkenaan.

(keterangan tidak diperlukan)

[10 markah]

6. Puan Alisha, usahawan milikan tunggal menjalankan perniagaan menjual peralatan perkhemahan, Outdoor Dynamics di Mentakab, Pahang. Imbangan Duga berikut diambil daripada buku perniagaannya pada 31 Disember 2023.

Outdoor Dynamics		
Imbangan Duga pada 31 Disember 2023		
	Debit	Kredit
	RM	RM
Modal pada 1 Januari 2023		82 900
Perabot	15 500	
Kenderaan	80 500	
Susut nilai terkumpul perabot		3 100
Susut nilai terkumpul kenderaan		8 050
Inventori 1 Januari 2023	7 150	
Akaun Belum Terima	6 750	
Bank	21 150	
Tunai	700	
Pelaburan	30 000	
Akaun Belum Bayar		4 970
Pinjaman bank		24 000
Jualan		106 640
Sewa diterima		6 000
Kadar bayaran	2 400	
Belian	55 870	
Pulangan	640	
Gaji	15 000	
	235 660	235 660

Maklumat tambahan:

- (i) Inventori pada 31 Disember 2023 pada harga kos adalah RM16 640 dan harga pasaran RM16 840.
- (ii) Mewujudkan peruntukan hutang ragu 2% atas Akaun Belum Terima bersih.
- (iii) Ambilan barang niaga sebanyak RM870 untuk kegunaan keluarga.
- (iv) Perabot dibeli pada 1 Januari 2022 dan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus.
- (v) Kenderaan disusutnilaikan pada kadar 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- (vi) Gaji sebanyak RM3 000 masih belum dibayar.

- (vii) Puan Alisha menjelaskan belanja promosi sebanyak RM650 dengan menggunakan wang sendiri.
- (viii) Pinjaman sebanyak RM60 000 telah dibuat pada 1 Januari 2021. Kadar faedah ialah 4% setahun. Tempoh matang pinjaman ialah pada 31 Disember 2025.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2023.
[11 markah]
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023.
(Tunjukkan modal kerja). [9 markah]